

SYARAT – SYARAT PERTANDINGAN CIPTA LAGU MALAYSIA 2010

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia sama ada amatur atau profesional.
2. Lagu hendaklah ciptaan asal dan tidak melebihi jangka masa empat (4) minit dan penyertaan adalah tidak terhad.
3. Peserta boleh menggunakan khidmat penulis lirik tetapi hanya pencipta lagu diterima sebagai peserta.
4. Ciptaan lagu adalah bebas. Penilaian akan diberikan kepada aspek kreativiti melodi yang bermutu, bernilai komersil dan menepati kriteria penciptaan yang profesional.
5. Lirik lagu adalah bebas dalam apa juga bahasa pertuturan di Malaysia samada Melayu, Cina, Tamil, Inggeris atau suku kaum Kadazan, Iban, Orang Asli dan sebagainya, tetapi lagu yang terpilih ke peringkat akhir akan dialih bahasa ke Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi pertandingan.
- 6. Penyertaan secara POS / Datang Sendiri**
 - a. Borang penyertaan boleh dimuat turun daripada laman web Kementerian www.kpkk.gov.my, www.orkestrartm.my atau www.erama.tv
 - b. Penyertaan mestilah disertakan dalam bentuk CD dengan rakaman suara menggunakan sekurang - kurangnya satu alat muzik iringan atau menyertakan skor piano dengan lirik di bawah melodi. Lampiran lirik juga perlu disertakan di dalam kertas berasingan.
 - c. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Bahagian Muzik RTM di talian Tel : 03-22887853 atau Faks : 03-22826805
 - d. Yuran penyertaan adalah sebanyak RM2.00 untuk setiap lagu dan pembayaran boleh dibuat menggunakan Wang Pos dan dibayar kepada KOPIM atau Koperasi Industri Muzik Malaysia Berhad
 - e. Borang Penyertaan serta maklumat lengkap hendaklah di hantar kepada :
Pertandingan CiptaLagu Malaysia 2010
Bahagian Perkhidmatan Muzik,
Tingkat 1, Bangunan Rentak 50
Angkasapuri
50470 Kuala Lumpur
 - f. Pengesahan penerimaan penyertaan adalah setelah ciptaan di daftarkan didalam portal www.erama.tv.

7. Penyertaan secara Dalam Talian (Internet)

- a. Penyertaan adalah menggunakan Portal www.erama.tv
 - b. Borang Penyertaan hendaklah diisi secara dalam talian semasa pendaftaran dibuat di dalam portal www.erama.tv
 - c. Rakaman suara dengan menggunakan sekurang-kurangnya satu alat muzik iringan boleh dimuatnaik melalui portal www.erama.tv dengan menggunakan format MP3.
 - d. Atau skor piano dengan lirik dibawah melodi dan lampiran lirik boleh dimuatnaik melalui portal www.erama.tv dengan menggunakan format PDF atau Word Doc (.DOC).
 - e. Imej Lagu atau imej yang menggambarkan lagu atau imej sendiri boleh dimuat naik melalui portal www.erama.tv dengan menggunakan format jpg.
 - f. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi www.erama.tv melalui email kepada info@erama.tv dengan tajuk email, Peraduan CiptaLagu Malaysia 2010 RTM dengan disertakan nama, email, no k/p dan penerangan ringkas pertanyaan atau permasalahan.
 - g. Yuran Penyertaan adalah secara dalam talian menggunakan Kredit Kad atau FPX atau dengan pembelian e-kad untuk penebusan sebanyak RM2.00 untuk setiap lagu yang dimuatnaik kedalam portal.
8. Lagu-lagu yang terpilih ke peringkat akhir sahaja akan menjadi hak milik Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Lagu-lagu lain yang tidak terpilih adalah hak milik pencipta dan lagu-lagu yang berpotensi boleh dibuat kerjasama dengan e-Rama Creative untuk dikomersialkan.
9. Keputusan juri adalah MUKTAMAD.
10. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 31 MAC 2011. Sebanyak 50 buah lagu akan dipilih ke peringkat seterusnya dan dari jumlah ini, 8 buah lagu akan terpilih ke peringkat akhir yang akan diadakan pada bulan Mei 2011.
11. Hanya 8 peserta akan dipilih ke peringkat akhir nanti, dan Hadiah Pertandingan CiptaLagu Malaysia 2010 adalah seperti berikut:
- a. Pemenang Pertama RM40,000.00
 - b. Pemenang Kedua RM25,000.00
 - c. Pemenang Ketiga RM15,000.00
 - d. 5 hadiah Saguhati sebanyak RM4,000.00 setiap satu.



BORANG PERTANDINGAN CIPTA LAGU (Pos)

1. Tajuk Lagu :

2. Nama Pencipta :

No. K/P :

Alamat :

No. Telefon :

E-mel :

3. Nama Penulis Lirik :

No. K/P :

Alamat :

No. Telefon :

E-mel :

4. Saya mengaku bahawa ciptaan lagu dan lirik adalah ciptaan asal dan bersetuju mematuhi segala syarat pertandingan yang telah ditetapkan.

.....
(Nama:)

(Tarikh:)

5. Permohonan hendaklah dihantar kepada :,
Pertandingan CiptaLagu Malaysia 2010
Bahagian Perkhidmatan Muzik,
Tingkat 1, Bangunan Rentak 50
Angkasapuri
50470 Kuala Lumpur, MALAYSIA

(GAMBAR)
Ukuran pasport